

Lebih 100 Projek Dalam RMK-9 Untuk Jana Pertumbuhan Ekonomi Pulau Pinang
Bernama
19 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Kerajaan Pusat menyenaraikan 107 projek yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan 26 projek bagi RMK-10.

Projek-projek yang terlibat bagi kluster ini adalah sangat penting kepada pertumbuhan ekonomi dan perindustrian Pulau Pinang khususnya dan negara amnya.

Menurut maklumat daripada Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri, antara projek yang terlibat adalah projek menaiktaraf kemudahan infrastruktur kawasan perindustrian Perai dengan kos RM53 juta yang bertujuan bagi mengekalkan syarikat-syarikat multinasional yang sedang beroperasi di negeri itu terus kekal melabur selain mampu menarik pelaburan baru.

Selain itu, projek yang turut dipandang penting ialah projek RM64 juta bagi menaiktaraf sistem kereta api di Bukit Bendera yang diselia oleh Kementerian Pelancongan bagi meningkatkan jumlah kehadiran pelancong ke negeri itu.

Projek lain ialah pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dengan kos RM250 juta yang dijangka mampu meningkatkan jumlah kendalian penumpang dan kargo sekaligus menyumbang pendapatan kepada negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681865>

